



کمنترین کبودایان بلیا

دان سوکن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

جانغ
CANANG

April 2023



PETIKAN TITAH



Kita merayakan Hari Raya tidak sama dengan orang lain merayakan Hari Raya. Kita merayakan Hari Raya tetap terikat kepada ugama.

Ketika berhari raya, kita tidak boleh meninggalkan atau terlepas dari kewajipan sembahyang, ketika berhari raya kita juga tidak boleh terlalu lalai atau asyik sehingga terjebak kepada dosa.

Inilah unik dan sucinya Hari Raya kita. Mula-mula perayaan dibuka ialah dengan takbir, dengan kalimat suci "ALLAHU AKBAR", dan kemudian dengan tahlil "LAILAHA ILLALLAH", dan ditutup pula sekali lagi dengan "ALLAHU AKBAR" dan "WALILLAHIL HAMD". Kemudian kita bergerak ke masjid untuk terus melakukan takbir dan seterusnya sembahyang sunat Hari Raya.

Kebawah DYMM juga bertitah, selepas itu kita akan bergerak menemui ibu bapa untuk memohonkan kema'afan mereka, menemui sanak saudara, sahabat handai dan kawan-kawan. Semua pertemuan ini berkonsepkan ziarah menziarahi yang sangat-sangat digalakkan oleh Islam, dan juga satu cara untuk menjalinkan silaturahim.

"Beta gembira dengan keadaan dan suasana dalam negara kita yang cukup mengizinkan untuk rakyat dan penduduk dapat menikmati Hari raya dengan penuh keriang dan kebahagiaan. Mudah-mudahan keadaan seperti ini akan terus berkekalan hendaknya." titah baginda.

"Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan hati yang jernih putih serta sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka berada, semoga kita sama-sama di dalam aman sejahtera, Amin Yaa Rabbal Alamin," baginda mengakhiri titah perutusan tersebut.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI 2023



MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN



Gadong, Rabu, 14 Ramadan 1444 / 5 April 2023 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan dibawahnya meneruskan program Majlis Bertadarus Al-Quran bagi menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Majlis berlangsung di Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata, Daerah Brunei dan Muara.

Program ini diselenggarakan oleh Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata, Daerah Brunei dan Muara. Rombongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohammad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara bergilir-gilir serta disusuli dengan bacaan Doa menghindari "Wabak COVID-19" dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Selawat Tafriyyah dan Sayyidul Istighfar.

Majlis diteruskan lagi dengan penyerahan sumbangan wakaf dan majlis diakhiri dengan sembahyang fardu Asar berjemaah.

Turut hadir, Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan para jemaah Kampong Perpindahan Mata-Mata, Daerah Brunei dan Muara.

SUMBANGAN DERMA UKIR SENYUMAN ANAK YATIM



Sengkurong, Ahad, 18 Ramadan 1444 / 9 April 2023— Seramai 113 anak yatim dari Kampung Sengkurong 'A', Kampung Sengkurong 'B', Kampung Tagap, Kampung Selayun dan Kampung Tanjung Nangka diraikan pada Majlis Penyampaian Derma, yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong

Majlis tersebut diselenggarakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Jemaah Muslimah Masjid Sultan Sharif Ali dan Belia Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan derma kepada anak-anak yatim ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Manakala hamper-hamper telah disampaikan oleh penyumbang perseorangan iaitu Yang Mulia Awang Haji Yussof bin Haji Metussin dari Syarikat Gunung Jati.

Terdahulu, Yang Mulia Haji Mohd Zaidin bin Haji Mohd Noor, Pegawai Hal Ehwal Masjid selaku Pengerusi Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, dalam ucapan alu-aluannya berkata, sumbangan tersebut adalah hasil derma orang ramai yang dikumpulkan melalui Tabung Khas Anak Yatim yang di bukakan oleh Masjid Sultan Sharif Ali, yang telah mendapat kebenaran daripada Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam.

Sumbangan pada hari ini juga diperolehi daripada persatuan-persatuan dan orang perseorangan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah, yang dipimpin oleh Yang Mulia Mohammad Nurkhairi bin Haji Abd Mustafa, Bilal Masjid Sultan Sharif Ali.

Manakala Yang Mulia Haji Awang Manan bin Haji Osman, Imam Masjid Sultan Sharif Ali, membacakan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan, serta mengimamkan Solat Fardu Maghrib Berjemaah.



SUMBANGAN DERMA UNTUK TABUNG ANAK-ANAK YATIM DAN SUMBANGAN KHUSUS UNTUK PELATIH-PELATIH PUSAT BAHAGIA

Bandar Seri Begawan, Selasa, 20 Ramadan 1444 / 11 April 2023 — Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hari ini telah menerima dua sumbangan daripada Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-Ahli Bersekutu.



Sumbangan adalah berbentuk derma berjumlah BND5,000.00 untuk Tabung Anak-Anak Yatim dan sumbangan khusus untuk pelatih-pelatih Pusat Bahagia sempena bulan Ramadhan berjumlah BND3,275.00. Majlis penyerahan derma diadakan petang tadi di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan tersebut telah diterima oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang disampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi selaku Pengerusi II, Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-Ahli Bersekutu.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Yang Mulia Dr.Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Yang Mulia Datin Hajah Kalsom binti Haji Suhaili, Yang Mulia Datin Dr Hajah Norhaslina binti Haji Ramlee, Yang Mulia Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu serta ahli-ahli bersekutu.

Sumbangan yang diterima ini adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli kumpulan berkenaan untuk memberikan kegembiraan dan keceriaan kepada anak-anak yatim dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia di samping untuk meraih pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan dan sekaligus untuk mendapat keredhaan daripada Allah Subhanahu Wata'aala.



KUNJUNGAN HORMAT PUAN YANG TERUTAMA ERMA SAID MOHAMED AL KATHIRY, DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK KESULTANAN OMAN KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bandar Seri Begawan, Rabu, 21 Ramadan 1444/12 April 2023 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan dan Perkembangan Hal Ehwal Antarabangsa.

Pada kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.

Kedua-dua belah pihak merakamkan rasa penghargaan atas hubungan kerjasama yang terjalin sejak sekian lamanya dan berharap ia akan sentiasa berkembang dan dapat diperkukuhkan lagi melalui pertukaran lawatan dan kerjasama dalam bidang-bidang yang sedia ada dan pada masa akan datang.



MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN

Bandar Seri Begawan, Rabu, 21 Ramadan 1444/12 April 2023 – Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Kampong Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara.

Program ini diselenggarakan oleh Jabatan Belia dan Sukan dan Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara. Rombongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohammad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramairamai diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara bergilir-gilir serta disusuli dengan bacaan Doa menghindari "Wabak COVID-19" dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar.

Majlis diteruskan lagi dengan penyerahan sumbangan wakaf dan majlis diakhiri dengan sembahyang fardu Asar berjemaah.

Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengarah/Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan para jemaah Kampong Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara.



MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN, MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA KEWANGAN KEPADA ANAK-ANAK YATIM PEGAWAI DAN KAKITANGAN KKBS DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA



Bandar Seri Begawan, Khamis, 22 Ramadan 1444/13 April 2023 — Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma Kewangan kepada Anak-Anak Yatim Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi tahun 1444 / 2023 telah diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Majlis ini diadakan bagi memperingati Nuzul Al-Quran yang merupakan salah satu acara kebesaran Islam yang lazim diraikan di negara ini. Majlis diselenggarakan dengan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang telah menamatkan tadarus yang dijalankan sepanjang bulan Ramadhan dan seterusnya penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.



Majlis didahului dengan Khatam Al-Quran yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Selesai Khatam Al-Quran, majlis diteruskan lagi dengan dikir marhaban oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan bacaan tahtim dan bacaan tahlil diketuai oleh Yang Mulia Ustaz Awang Haji Masfourteen bin Awang Haji Mohd Yusof, Ketua Guru Ugama, Pusat Pembangunan Belia dan doa tahtim dibacakan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia.



Seterusnya, majlis diserikan lagi dengan Ceramah Nuzul Al-Quran yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Mohammad Ali, Pegawai Perkembangan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tajuk ceramah yang telah disampaikan "Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian dengan Petunjuk Al-Quran".

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Menghindari "Wabak COVID-19" dan Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar.



PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADAN 1444/2023



Bandar Seri Begawan, Sabtu, 24 Ramadan 1444/15 April 2023 — Dalam usaha menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan khususnya jaringan-jaringan kebelaian dan kemasyarakatan, telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan secara serentak di keempat-empat daerah bagi tahun 1444/2023.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, selaku ketua rombongan Kembara Amal Ramadan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebanyak lima buah rumah dikunjungi, dimulai dari Kampung Peramu, Kampung Junjongan, Kampung Sengkurong, Kampung STKRJ Mata-Mata dan RPN Lambak Kanan.

Turut menyertai rombongan Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Sementara rombongan Kembara Amal Ramadan di Daerah Belait diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, berkunjung ke empat buah rumah bagi menyampaikan sumbangan. Kembara dimulakan dari dua buah rumah di Kampung Sungai Teraban dan diteruskan ke Kampung Pandan 'A' dan rumah terakhir di Kampung Mumong 'A'.

Turut menyertai rombongan ialah pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sambungan Muka Surat 9



Di Daerah Temburong pula, Kembara Amal Ramadan berkunjung ke empat buah rumah diketuai oleh Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kembara bermula dari dua buah rumah di Kampong Puni dan diteruskan ke Kampong Temada, dan rumah terakhir di Kampong Rataie.

Turut menyertai rombongan ialah pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Manakala, Rombongan Kembara Amal Ramadan di Daerah Tutong diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berkunjung ke empat buah rumah bagi menyampaikan sumbangan. Kembara dimulakan dari Kampung Sinaut, Kampung Bukit Udal, Kampong Bukit Bang Dalam dan rumah terakhir di Kampung Rambai.

Turut menyertai rombongan ialah pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penerima-penerima sumbangan adalah terdiri daripada penerima Bantuan Kebajikan Bulanan, Elaun Kurang Upaya, Pencen Umur Tua, Anak-Anak Yatim dan Penerima bantuan daripada Majlis Ugama Islam Brunei.

Program ini merupakan program tahunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai inisiatif mendekati golongan belia dan masyarakat dengan aktiviti keagamaan dan kerja amal serta kesukarelawanan di bulan yang penuh berkat ini. Ianya juga bertujuan sebagai sumbangan tenaga serta bantuan meringankan beban orang-orang susah selain untuk memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh keriang dan kesyukuran.

PROGRAM TADARUS AL-QURAN BELIA DI BULAN RAMADAN



Bandar Seri Begawan, Selasa, 27 Ramadan 1444/18 April 2023 — Dalam usaha menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengungkayahkan Program Tadarus Al-Quran Belia Di Bulan Ramadan serentak di keempat-empat daerah bagi tahun 1444H/2023M.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, program tadarus telah diadakan di Masjid Kampong Pintu Malim. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh tetamu kehormat majlis dan diikuti dengan Tadarus Al-Quran dipimpin oleh Yang Mulia Awangku Muhammad Syukri bin Pengiran Haji Sulaiman, Imam Masjid Kampong Pintu Malim, disertai oleh wakil daripada Pusat Sejarah Brunei, ahli-ahli Kelab Pusat Belia Bandar Seri Begawan (KKBT), Kumpulan Al-Busyra dan Alumni Kem Asuhan Minda Belia 2023. Majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Tahlil diketuai oleh Yang Mulia Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib, Naib Johan Qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 2022 dan diselajurkan dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Imam Masjid Kampong Pintu Malim. Aturcara diikuti lagi dengan penyerahan sumbangan daripada tetamu kehormat majlis kepada Imam Masjid Kampong Pintu Malim dan majlis diakhiri dengan sembahyang Fardhu Zohor berjemaah.





Sementara di Daerah Temburong, hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS. Majlis telah diadakan di Masjid Kampong Batu Apoi.

Aturcara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan Tadarus Al-Quran diketuai oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nur Aziimin bin Shahminan dari Belia Permata Hijau dan diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Zulkhairi bin Azamy dari Belia Permata Hijau dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Mulia Awang Shamsuddin bin Haji Azahari, Imam Masjid Kampong Batu Apoi. Majlis diselenggarakan dengan penyerahan sumbangan kepada pihak masjid dan diakhiri dengan sembahyang Fardhu Zohor berjemaah.



Manakala di Daerah Tutong, program tadarus diadakan di Masjid Kampong Sinaut. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengetua Pusat Sejarah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadarus Al-Quran diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Muhd Fakhri bin Pengiran Mohd Dani, Imam Masjid Kampong Sinaut dan diselenggarakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Darwisy Afiq bin Jailani dari Belia IMPAK Tutong serta bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Imam Masjid Kampong Sinaut. Aturcara diteruskan dengan penyerahan sumbangan daripada tetamu kehormat kepada Imam Masjid Kampong Sinaut dan majlis diakhiri dengan sembahyang Fardhu Zohor berjemaah.

Sambungan Muka Surat 12



Di Daerah Belait pula, majlis tadarus dihadiri oleh yang Mulia Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah, Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara selaku tetamu kehormat majlis bertempat di Masjid RPN Kampong Pandan.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dikepalai oleh tetamu kehormat, diteruskan dengan Tadarus Al-Quran dipimpin oleh Yang Mulia Haji Abdul Afiq bin Zainuddin dari Majlis Belia Brunei, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Mohammad Nabil bin Mohammad Nordin, Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam dikepalai oleh Yang Mulia Abdul Qayyum bin Haji Aminnuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid dan majlis diakhiri dengan sembahyang Fardhu Zohor berjemaah.

Program Tadarus Al-Quran Belia Di Bulan Ramadan merupakan projek tahunan KKBS kendalian JBS bersempena dengan sambutan bulan Ramadan yang mubarak. Program ini telah melibatkan banyak pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia dan tidak ketinggalan golongan belia sendiri.

Program tadarus tersebut diadakan adalah untuk menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan, disamping untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta untuk menyemarakkan bulan Ramadan dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Quran.



FABD ADAKAN MAJLIS TAHLIL, BERSUNGKAI



Berakas, Selasa, 27 Ramadan 1444/18 April 2023 — Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (FABD) lewat petang hari ini mengadakan Majlis Tahlil dan Bersungkai bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan pada tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Ahli Eksekutif Komiti FABD, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Norhadi bin Pengiran Haji Bongsu dan Awang Haji Adee Suharde bin Haji Muhidin.

Pada majlis itu diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Ahli Eksekutif Komiti FABD, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Norhadi dan diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma khusus buat keluarga Bola Sepak Brunei Darussalam dan diakhiri dengan majlis berbuka puasa.

Majlis Bertahlil merupakan aktiviti tahunan yang dilakukan semasa bulan Ramadan dan disedekahkan pahalanya kepada ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah di samping mengukuhkan hubungan silaturahim antara sesama Ahli FABD.

Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Presiden FABD, Yang Mulia Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan.

MAJLIS RUMAH TERBUKA SAMBUTAN HARI RAYA



Bandar Seri Begawan, Ahad, 2 Syawal 1444/23 April 2023 — Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Datin telah mengadakan Majlis Rumah Terbuka pada hari raya kedua di Dewan Serambi Suluh, Tarindak de' Seni, Bandar Seri Begawan.

Hadir memeriahkan suasana Majlis Rumah Terbuka tersebut ialah Yang Mulia Dr Mohamad Maliki bin Osman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Luar Negeri Singapura.

Warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan dibawahnya juga turut dijemput meriahkan Majlis Rumah Terbuka berkenaan.

MAJLIS MENANDATANGANI KONTRAK PROGRAM PEMBIAYAAN ATLET



Bandar Seri Begawan, Sabtu, 8 Syawal 1444/29 April 2023 — Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Menandatangani Kontrak Program Pembiayaan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis menandatangani tersebut disempurnakan oleh Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abd Karim, Pengarah Belia dan Sukan serta 5 orang atlet iaitu dari sukan Wushu ialah Yang Mulia Dayang Basma Lachkar, Yang Mulia Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan dan Yang Mulia Awang Hosea Wong Zheng Yu dan dari sukan Pencak Silat, Yang Mulia Awang Muhammad Ali Saifullah bin Abdullah Muhd Suhaimi dan Yang Mulia Dayang Nur Wasiqah Aziemah binti Rosihan.



Majlis tersebut disaksikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Program Pembiayaan Atlet adalah inisiatif strategik jangka panjang yang menyasarkan prospek yang menunjukkan peluang terbaik untuk mencapai kejayaan podium (pingat) untuk Negara Brunei Darussalam dengan sokongan yang berterusan. Ia bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada bakal atlet bahawa kerja keras dan pencapaian mereka akan diiktiraf dan menjadi inspirasi kepada lebih ramai atlet untuk melibatkan diri dalam sukan meningkatkan sukan secara keseluruhan di negara ini.



Melalui Program Pembiayaan Atlet, penerima akan menerima elaun bu-lanan, makanan dan perkhidmatan prestasi yang dipertingkatkan, termasuk sains sukan, sokongan pemakanan dan psikologi. Pada masa ini, skim insentif yang sedia ada, iaitu Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan, memberikan ganjaran kemenangan kepada atlet negara yang telah mencapai kejayaan podium di Sukan Kontinjen di arena serantau dan antarabangsa, seperti Sukan SEA.



Program Pembiayaan Atlet akan menjadi faktor motivasi tambahan kepada atlet untuk berusaha mencapai kecemerlangan sukan, dan untuk memastikan atlet mempunyai peluang terbaik untuk berjaya dalam sukan mereka.

Penerima program yang berjaya terdiri daripada atlet yang telah mencapai podium dan kejayaan pingat dalam edisi Sukan Asia Tenggara sebelum ini dan menggambarkan pencapaian cemerlang dalam sukan mereka di peringkat antarabangsa, seperti Sukan Dunia. Mereka juga telah menunjukkan konsistensi dalam prestasi mereka serta potensi untuk pingat di masa depan dalam sukan "prestasi tinggi" khusus yang disasarkan oleh Kementerian.



KUMPULAN PERTAMA BERLEPAS KE SUKAN SEA KE-32



Berakas, Ahad, 9 Syawal 1444 / 30 April 2023 – Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32 bagi kumpulan pertama telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja.

Kumpulan pertama Kontinjen negara yang merangkumi seramai tujuh orang terdiri daripada seorang (1) pengurus, lima (5) atlet sukan Obstacle Race dan seorang (1) medik.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Mulia Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pertandingan Obstacle Race akan bermula lebih awal pada 3 Mei 2023 di Chory Changvar Convention Centre – Car Park.

Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32 akan diadakan di Kemboja secara rasminya bermula 5 hingga 17 Mei 2023 di mana Negara Brunei Darussalam akan menyertai dalam 12 acara sukan pada edisi Sukan SEA kali ini.

Turut hadir, Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morsidi, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan selaku Chef de Mission dan Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abd. Karim, Pengarah Belia dan Sukan selaku Penolong Chef de Mission.






سلامت مقرأیعتی نزول القرآن ١٤٤٤ هجرة

Selamat Memperingati Nuzul Al-Quran Tahun 1444 Hijrah

Tema:
Bersabar, Beikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa
Menghadapi Ujian Dengan Petunjuk Al-Quran

Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar.

Surah Al-Isra, Ayat 9



**E-POSTER SEMPENA MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN
1444/2023**



سلامت هاري راي عيد الفطري

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

*Di kayu ranting kejaran-kejaran,
Melindap bayang si ikan patin;
Salam ukhwah salam lebaran,
Mohon maaf zahir dan batin.*

*Tulus ikhlas daripada warga
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

E-POSTER SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

1444/2023



كمتريڤ كبوداڤان بليا دان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan